

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN RAMKARPAL SINGH A/L  
KARPAL SINGH  
[ BUKIT GELUGOR ]**

**TARIKH : 25 MEI 2016 (RABU)**

**SOALAN :**

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [ Bukit Gelugor ] minta  
PERDANA MENTERI menyatakan mengapa Mahkamah Persekutuan  
tidak mempunyai mana-mana wakil daripada hakim yang berbangsa  
India.**

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Keanggotaan hakim mengikut bangsa perlu dilihat secara keseluruhan meliputi semua peringkat iaitu Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi.

2. Kedudukan keanggotaan hakim di semua peringkat mahkamah tersebut pada 30 April 2016 adalah seramai 95 orang. Dari jumlah tersebut, 63 orang berbangsa Melayu, 8 orang Bumiputra Sabah dan Sarawak, 15 orang berbangsa Cina, 8 orang berbangsa India serta seorang lain-lain bangsa.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemilihan hakim-hakim oleh Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman berasaskan kriteria pemilihan seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 (Akta 695).

Sekian, terima kasih.